

# Penggunaan Aplikasi *Cashzine* dan Hukumnya Menurut Perspektif Islam

**BITARA**

Volume 6, Issue 4, 2023: 40-51  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 10 August 2023  
Accepted: 20 August 2023  
Published: 10 September 2023

## [The Application *Cashzine* and Its Decision From an Islamic Point of View]

Wafa' Abdul Hamid<sup>1</sup> & Salmy Edawati Yaacob<sup>1\*</sup>

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: [salmy1001@ukm.edu.my](mailto:salmy1001@ukm.edu.my); [wafaa@ukm.edu.my](mailto:wafaa@ukm.edu.my)

\*Corresponding Author: [salmy1001@ukm.edu.my](mailto:salmy1001@ukm.edu.my)

### Abstrak

Cashzine merupakan satu aplikasi yang digunakan untuk menjana wang. Aplikasi ini memperuntukkan pengguna mengumpulkan koin dengan membaca berita-berita dari pelbagai kategori. Koin tersebut kemudiannya boleh ditukarkan kepada wang setelah mencapai had yang telah ditetapkan. Kehadiran aplikasi penjana wang ini telah menimbulkan banyak persoalan tentang hukumnya dari segi syarak. Walaupun Islam mengharuskan dalam bermuamalah namun, kajian yang teliti harus dijalankan bagi memastikan keharusan tersebut sama ada dikekalkan atau ataupun sebaliknya. Justeru, objektif kertas kerja ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kaedah menjana wang melalui aplikasi Cashzine dan menghuraikan hukum penggunaan aplikasi Cashzine menurut perspektif Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kemudian, data yang diperoleh dianalisis melalui kaedah analisis deskriptif, reduksi data dan pendekatan komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa aplikasi Cashzine adalah diharuskan berdasarkan teori akad Ju'alah dalam pemberian ganjaran. Wang yang diperoleh juga sah selagi ia dikumpulkan melalui kaedah yang diharuskan syarak seperti membaca berita yang bermanfaat. Namun, penghasilan tersebut boleh menjadi haram sekiranya diperoleh melalui cara yang bercanggah dengan Islam seperti menonton video memaparkan aurat, membaca berita yang melalaikan, bermain permainan berunsurkan judi, keganasan dan sebagainya. Kajian ini dapat memberi pemahaman dan pengetahuan kepada masyarakat dalam memilih aplikasi menjana wang yang baik dan sejajar dengan perintah syarak

**Kata kunci:** Aplikasi penjana wang, Cashzine, Ju'alah.

### Abstract

An app for making money is called Cashzine. By reading news from various categories, users of the app can earn coins. Once the coins have reached the predetermined limit, they can be turned into cash. Numerous concerns concerning its syarak rule have been brought up by the existence of this money-generating program. Even though Islam mandates worship, it is important to conduct meticulous investigation to make sure that the permissibility is upheld or not. Therefore, the purpose of this paper is to outline the process of earning money through the Cashzine program and to expand the Islamic prohibition on using it. This study is qualitative and using content analysis techniques. Following that, descriptive analytic techniques, data reductions, and comparison procedures are used to analyze the data. According to the study's findings, it is legal to use Cashzine in reward-giving according to the akad Ju'alah philosophy. As long as the earnings are obtained by Islamic practices like reading upbeat news, they are equally valid. However, if the production is gotten by prohibited Islamic practices, such as seeing aurat-related movies, reading misleading news, participating in

gambling, or using violence, it may be forbidden. The society can benefit from this study's wisdom and knowledge in selecting a profitable application that is also in accordance with Islamic law.

**Keywords:** Generator app, Cashzine, Ju'alah

**Cite This Article:**

Wafa' Abdul Hamid & Salmi Edawati Yaacob. (2023). Penggunaan Aplikasi Cashzine dan Hukumnya Menurut Perspektif Islam [The Application Cashzine and Its Decision From an Islamic Point of View]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 40-51.

## Pengenalan

Pada era globalisasi kini, perkembangan teknologi telah mempengaruhi kepada perubahan aktiviti muamalah dalam kehidupan sehari-hari, berkomunikasi, bekerja dan termasuklah transaksi kewangan (Nasrul Hisham 2008). Masyarakat memerlukan sesuatu yang cepat dan senang untuk melaksanakan aktiviti sehari-hari. Ini termasuklah dalam kemudahan dalam mendapatkan maklumat, transaksi, transportasi dan sebagainya. Hal ini telah mendorong masyarakat mencipta inovasi yang berbagai fungsi (Zidane 2021). Teknologi internet membantu seseorang dari suatu organisasi atau tempat yang berbeza untuk bekerjasama dalam satu kumpulan virtual untuk memasarkan, mengembangkan, memprokduksikan dan memelihara sesuatu produk yang dibuat (Oviliani Yenty Yuliana 2000).

Pada zaman sebelumnya, setiap perkara dilakukan secara manual dan mengambil masa yang lama. Kini, pelbagai kemudahan telah ditawarkan dengan bantuan teknologi (Anon 2017). Secara dasarnya muamalah dalam Islam bersifat fleksibel dan menyesuaikan dengan zaman. Ini kerana selagi bentuk-bentuk muamalah pada zaman moden kini tidak bertentangan dengan Al-Quran dan Hadis. Maka ia dibenarkan dengan tujuan menjamin kemaslahatan manusia (M Hanif 2018). Muamalat merupakan suatu hukum yang berkaitan dengan perbuatan manusia yang meliputi urusan keduniaan. Contohnya urusan jual beli, sewa-menyewa, kerjasama dagang dan sebagainya (Eka Sakti 2018). Kemajuan ini telah menimbulkan kesan yang besar terhadap kehidupan manusia terutamanya dalam kegiatan ekonomi. Pelbagai bentuk *bisnis* dan isu baru telah berkembang dengan cepat seperti *indeks trading*, sistem pembayaran dan pinjaman melalui kad kredit dan sebagainya (Agustianto 2015).

Oleh sebab itu, timbulnya pelbagai isu dan permasalahan terhadap kegiatan muamalah pada masa kini. Contohnya dapat dilihat melalui perbahasan tentang penggunaan dompet digital (E-wallet) iaitu transaksi pembayaran tanpa sentuhan fizikal selain sentuhan kad perbankan (Muhammad Saufi 2022). Bentuk-bentuk *bisnes* seperti ini pastinya sangat berguna dan bermanfaat kerana ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat kini. Bukan itu sahaja terdapat pelbagai kaedah yang boleh dijalankan untuk menghasilkan wang dengan hanya bermodalkan telefon pintar dan internet. Antaranya ialah melalui *live streaming*, permainan video, *youtube*, menjalankan perniagaan secara atas talian dan termasuklah aplikasi penjana wang yang menawarkan ganjaran wang dengan hanya menjalankan tugas-tugas tertentu.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan terhadap ekonomi masyarakat. Masyarakat mengalami kesempitan hidup akibat kehilangan punca pendapatan (M. Isa 2021). Menteri sumber manusia mengumumkan seramai 155,893 orang

telah diberhentikan pekerjaan disebabkan oleh pandemik covid-19. Manakala berdasarkan anggaran yang dikeluarkan oleh Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menunjukkan bahawa lebih 100,000 perniagaan terpaksa menghentikan pengoperasiannya. Oleh itu, aplikasi penjana wang ini semakin rancak dibangunkan dari pelbagai negara sejak tersebarnya covid-19 (Muhammad Ikhwan 2021). Aplikasi ini rata-rata menawarkan ganjaran yang menarik dengan tugas yang mudah seperti menonton video, membaca berita dan sebagainya. Oleh itu, objektif kertas kerja ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kaedah menjana wang melalui aplikasi *Cashzine* dan menghuraikan hukum penggunaan aplikasi *Cashzine* menurut perspektif Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan.

## Permasalahan Kajian

### a. Faktor penjana wang melalui aplikasi atau secara atas talian

Masyarakat kini banyak didedahkan dengan pelbagai kaedah untuk menghasilkan wang tambahan. Mereka rata-rata dihidangkan dengan ganjaran atau pulangan yang lumayan dengan hanya menggunakan aplikasi dan kaedah tertentu. Isu penjana wang melalui aplikasi ini bukan isu yang baharu sebaliknya aplikasi seperti ini sudah lama hadir di dalam kehidupan yang berteknologi kini. Hal ini dipersetujui oleh Muhammad Syamsuddin (2020) lebih-lebih lagi akibat daripada tempoh pandemik Covid-19. Ramai masyarakat yang hilang punca pendapatan dan pekerjaan berada di dalam kesempitan hidup. Terdapat pelbagai jenis ragam aplikasi seperti berbentuk permainan video atau membaca berita. Contohnya aplikasi *Cashzine* yang menuntut pengguna untuk mengumpulkan koin dan boleh menukarkannya kepada wang. (Nu Online, 2020).

Selain itu, sebagaimana yang dapat dilihat daripada keadaan Muhammad Azali Abdul Hamid yang lumpuh akibat daripada kemalangan jalan raya pada tahun 2017. Keadaan beliau yang tidak mampu bergerak bukanlah menjadi halangan baginya. Buktinya beliau mampu menjana wang pendapatan melalui permainan video secara atas talian (E-Sports) atau media *streaming* yang memungkinkannya mendapat pulangan sebanyak RM400 ringgit sebulan. Walaupun wang yang diperoleh tidaklah banyak namun, ianya juga dapat mengurangkan beban keluarganya sedikit (Wat Kamal Abas, 2021). Ini menunjukkan bahawa teknik menjanakan wang ini adalah relevan baginya yang tidak mampu bekerja seperti orang yang normal.

Platform seperti *Youtube* menjadi pilihan utama masyarakat dalam menjana wang lebih-lebih lagi disebabkan pandemik Covid-19. *Youtube* merupakan antara laman *web* yang paling popular dan mudah untuk menjana wang kerana sesiapa sahaja dibenarkan untuk memuat naik, menonton, menilai, berkongsi dan memberi komen kepada pelbagai genre kandungan video yang dihasilkan (Bernama, 2020). Penjana wang *youtuber* adalah melalui kaedah '*monetization*,' iaitu dengan menerima wang hasil daripada iklan yang dipaparkan sebelum, semasa atau di sepanjang klip yang dimuatnaikkan oleh mereka (Hafizah Abdul Hamid, 2019). Laporan bertajuk "Kaya Raya Jadi *YouTuber*" telah mendedahkan bagaimana pendapatan para *YouTuber* di Malaysia kini boleh mengalahkan gaji purata seorang Ketua Pegawai Eksekutif (Sinar Harian, 2020).

## b. Hukum penjaanaan wang melalui aplikasi menurut Islam

Penggunaan aplikasi penjaanaan wang ini perlulah dikaji dengan baik dan teliti bagi memberikan gambaran kepada masyarakat akan status aplikasi yang digunakan. Ini kerana aplikasi-aplikasi yang tidak mematuhi syariah adalah dianggap haram disebabkan terdapat pelbagai unsur penipuan terutamanya dari segi transaksi yang digunakan. Islam membenarkan transaksi wang sama ada disebabkan akad ujah dan sebagainya selagi mana tidak terdapat unsur yang bercanggah dengan tuntutan syarak. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud “Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya meminum arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keuntungan’ (Rizandi Syahputra, 2020). Namun cara pengaplikasian akad tersebut perlu dititikberatkan.

Azrul Azlan Iskandar Mirza (2019) menyatakan bahawa prinsip syariah dalam mualamat dan transaksi moden hari ini ialah halal selagi tidak mempunyai unsur riba, *gharar* (penipuan), judi, haram dan zalim. Ia tidak semestinya terikat akad seperti zaman dahulu. Evolusi dan inovasi manusia tetap perlu diraikan sesuai zamannya. Imam Malik RA menyatakan: “Setiap perkara yang dianggap jual beli oleh manusia adalah dikira jual beli.” Pada tahun 2020, terdapat aplikasi yang menarik perhatian ramai masyarakat Indonesia dengan jumlah pengikutnya sebanyak 100 juta (Dahyul Daipon & Hendri, 2020). Namun timbul banyak persoalan akan status aplikasi tersebut sama ada ianya dibolehkan atau hanyalah satu bentuk skim penipuan. Menurut Dahyul Daipon dan Hendri (2020) menyatakan bahawa *Vtube* adalah mubah kerana tidak mengandungi unsur *gharar* dan pendapatan yang diperoleh penggunaan adalah upah baginya. Namun Muhammad Syamsuddin (2020) berpendapat bahawa aplikasi *vtube* adalah haram kerana terdapat unsur *gharar*. Antaranya ialah pengguna dikategorikan mengikut berapa banyak pengikutnya dan pengguna baharu perlu membayar kepada syarikat. Kerajaan Indonesia telah menghentikan *bisnes* aplikasi *vtube* kerana diduga ianya kegiatan *money game* atau skema *ponzi* (CNN Indonesia 2021). Hal ini menunjukkan setiap kajian perlulah dijalankan dengan teliti yang merangkumi setiap sistem dan cara penggunaan aplikasi penjaanaan wang bagi mendapatkan hukum yang tepat. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kaedah menjana wang melalui aplikasi *Cashzine*, menghuraikan hukum penggunaan aplikasi *Cashzine* menurut perspektif Islam dan seterusnya mencadangkan ciri-ciri aplikasi penjaanaan wang yang selamat dan mematuhi syariah

## Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah sangat penting dalam menjalankan sesuatu kajian agar hasil dapatan adalah lebih sistematik, tepat dan jelas. Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif. bagi mengkaji hal-hal berkaitan dengan penggunaan aplikasi *Cashzine* sama ada ianya dibolehkan atau dilarang dari segi perspektif Islam. Penulis mengumpulkan data-data melalui analisis kandungan yang terdapat dalam teks-teks al-Quran, hadis, penulisan ilmiah, artikel jurnal, surat akhbar dan media sosial yang berkaitan dengan subjek kajian. Data kemudiannya dianalisis melalui kaedah tertentu. Analisis data merupakan proses untuk mengumpul, memilih dan mengubah data yang diperoleh menjadi lebih bermanfaat. Maka

penulis menganalisis data melalui kaedah analisis deskriptif, reduksi data dan pendekatan komparatif. Kemudian penulis meneliti data-data tersebut bagi mencapai objektif yang dikehendaki.

## Hasil dan Perbincangan

### a. Aplikasi *Cashzine*

Aplikasi *Cashzine* atau dikenali sebagai aplikasi penjana wang telah dibangunkan oleh *Points Culture* pada awal 2020 (Ibnu 2022). Aplikasi ini bekerja sebagai pengumpul berita yang pelbagai dari sumber dipercayai (Izza Namira 2020). Pelbagai jenis berita yang boleh didapati dari berbagai kategori seperti berita tempatan, kesihatan, makanan, gaya hidup, sukan dan sebagainya (Shofia Nida 2022). *Cashzine* dapat menghasilkan wang tunai dengan bermain aplikasi-aplikasi terbaru dan menonton video pendek. *Cashzine* adalah aplikasi mudah alih membaca berita dengan peluang menghasilkan wang tunai dengan hanya mengikuti perkembangan isu di seluruh dunia (Leon 2022)

Sehingga kini hanya terdapat 9 buah negara yang dapat mengakses aplikasi ini termasuklah Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, New Zealand, Singapura, Vietnam, America, dan Britania Raya. Pada awalnya, *Cashzine* didakwa sebagai aplikasi *scam* kerana timbulnya isu tentang pembayaran yang tidak masuk ke akaun pengguna. Namun, banyak juga yang mendakwa aplikasi ini boleh dipercayai berdasarkan *review* yang ditulis oleh para pengguna (Digitek 2020). Secara umumnya pengguna akan diberikan ganjaran berbentuk sejumlah koin setelah menyelesaikan misi tertentu. Koin yang terkumpul pula boleh ditukarkan kepada wang tunai setelah mencapai had yang ditetapkan (Inez 2021).

Terdapat 5 cara untuk mengumpulkan koin dan kaedah utamanya adalah dengan membaca artikel. Setiap artikel yang dibaca akan mendapat sehingga 50 koin. Seterusnya, pengguna boleh menonton video iklan yang bernilai 100 koin bagi setiap video. Video iklan pula hanya boleh ditonton bagi setiap satu jam sahaja. Misi-misi tambahan seperti *check in* akaun sedikit sebanyak dapat menambahkan jumlah koin yang terkumpul. Kemudian mengundang rakan merupakan cara yang dapat menghasilkan wang dengan banyak. Pengguna akan diberi ganjaran sehingga 20,000 koin. Tambahan pula, komisyen turut diberikan sekiranya rakan terus menggunakan aplikasi *Cashzine* sebanyak 15% (Shofia Nida 2022). Cara terakhir adalah melalui permainan *lucky draw* dengan memutar dua kali *lucky wheel* dalam sehari.

Bukan itu sahaja pengguna juga boleh bermain permainan untuk mengumpulkan koin dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Contohnya bermain permainan selama 3 minit, menyelesaikan tutorial permainan dan sebagainya (Anon 2022). Setelah koin-koin dikumpulkan dengan banyak, pengguna boleh mengeluarkan duit tersebut ke dalam akaun bank. Jumlah minimum pengeluaran wang adalah sebanyak RM1 bersamaan dengan 1000 koin. Permohonan pula mengambil masa seminggu untuk diproses masuk ke dalam akaun bank pengguna. Emel akan diberikan bagi menyatakan permohonan yang berjaya, maka wang akan dimasukkan ke dalam akaun pengguna dalam masa 7 hingga ke 12 jam (Aiman 2019). Oleh itu, *Cashzine* merupakan antara aplikasi penjana wang yang paling popular. Kini makin ramai orang menggunakannya dengan catatan sebanyak 10 juta pengguna. Hal ini kerana *Cashzine*

terbukti aman dan dapat menghasilkan wang tambahan dengan hanya bermodalkan telefon pintar sahaja (Ibnu 2022).

### b. Konsep Akad *Ju'alah*

*Ju'alah* atau juga disebut *ji'alah*, *ja'ilah* atau *ja'alah* bermaksud membuat, menjadikan atau menciptakan. Menurut Wahbah Zuhaili *Ju'alah*, *ju'l* atau *ju'liyah* merupakan sesuatu yang diberikan oleh seseorang kerana melakukan pekerjaan tertentu (Wahbah Zuhaili 1985). *Ju'alah* merujuk kepada sesuatu yang diberikan kepada seseorang terhadap sesuatu yang dilakukan. Dari segi syarak *Ju'alah* adalah gantian wajib yang diketahui ke atas kerja tertentu sama ada diketahui mahupun tidak diketahui. Pekerjaan tersebut dilaksanakan oleh orang yang dikenali atau tidak dikenali (Zulkifli 2011). *Ju'lah* dilakukan berdasarkan kesepakatan untuk memberikan ganjaran ke atas pekerjaan tersebut (Wahbah Zuhaili 1985). Berdasarkan definisi tersebut, *Ju'alah* adalah akad di mana pihak menawarkan pekerjaan (*Ja'il*) menjanjikan ganjaran kepada seseorang (amil) setelah berjaya melaksanakan kerja tersebut. Maka *Ja'il* diwajibkan menunaikan ganjaran tersebut sebagaimana yang telah ditetapkan.

Organisasi Perakaunan dan Pengauditan Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) mendefinisikan *Ju'alah* sebagai kontrak iaitu salah satu pihak (*Ja'il*) menawarkan pampasan (*Ju'l*) kepada (amil) yang akan mencapai hasil yang ditentukan sama ada dalam tempoh masa yang diketahui ataupun tidak (AAOIFI 2015). Berdasarkan definisi dapat difahami bahawa dalam kontrak *Ju'alah* mestilah mempunyai tugas atau kerja yang perlu dilakukan dan adanya ganjaran seperti yang dijanjikan (Ismail Mohamed et al. 2020).

Menurut Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Ju'alah* mengandungi dua maksud. Yang pertama ialah “untuk menentukan” di mana pihak yang menawarkan *Ju'alah* menentukan kadar ganjaran dalam kontrak *Ju'alah*. Yang kedua ialah “melaksanakan kewajipan” iaitu kewajipan memberi ganjaran setelah selesai pekerjaan tertentu. Oleh itu, dapat difahami bahawa *Ju'alah* adalah ganjaran yang diberikan kepada seseorang untuk menyelesaikan sesuatu tugas.

### c. Hukum *Ju'alah* Menurut Syarak

Hukum *Ju'alah* didapati daripada sumber-sumber Islam seperti Al-Quran, Sunnah dan pendapat para ulama'. Berdasarkan firman Allah dalam kisah Nabi Yusuf dan saudara-saudaranya di dalam surah Yusuf [12:72]:

قَالُوا نَفْذُ صُوعِ الْمَلِكِ وَلِمَنْ جَاءَ بِهِ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ

Mereka menjawab, “Kami kehilangan piala raja, dan siapa yang dapat mengembalikannya akan memperoleh (bahan makanan seberat) beban unta, dan aku jamin itu.”

Selain itu, hukum *Ju'alah* juga dibuktikan melalui sebuah Hadis tentang para sahabat yang menerima hadiah atau ganjaran berbentuk seekor kambing. Ini kerana salah seorang sahabat berjaya mengubati orang yang disengat kala jengking iaitu dengan membaca surah Al-Fatihah dan menyapu ludah (air liur) pada luka. Setelah mereka menceritakannya kepada Nabi,

Rasulullah ketawa sambil berkata:

وقال : وما أدراك, إنها رقية؟ خذوها واضربوا لي فيها بسهم"

Maksudnya : Rasulullah berkata, "Tidakkah kamu tahu? Surah al-Fatihah itu adalah ubat. Ambillah kambing itu dan berikan kepadaku satu bahagian.  
(Riwayat al-Bukhari)

*Ju'alah* mempunyai hukum yang berbeza mengikut pendapat mazhab. Mazhab Syafi'i, Maliki, Hanbali membenarkan akad *Ju'alah* berdasarkan dalil Al-Quran dan Hadis tersebut (Securities Commission Malaysia 2012). Manakala mazhab Hanafi berpandangan bahawa *Ju'alah* tidak dibenarkan kerana mengandungi unsur *gharar* dari segi bentuk pekerjaan dan tempoh masa. Pandangan ini dianalogikan dengan akad ijarah yang mensyaratkan kejelasan pada tempoh masa, bentuk pekerjaan dan upah yang diberikan. Namun sebahagian ulama' mazhab Hanafi menerima *Ju'alah* atas dasar *istihsan* terhadap manfaat yang diterima (Wahbah Zuhaili 1985). Juhur ulama' bersepakat membenarkan akad *Ju'alah* dengan syarat ia memenuhi rukun dan syarat yang ditetapkan. Oleh itu, hukum *Ju'alah* adalah diharuskan dalam Islam selagi sifatnya tidak bercanggah dengan ajaran Islam seperti melakukan pekerjaan yang bermanfaat dan sebagainya.

## Hukum *Cashzine* berdasarkan Teori *Ju'alah*

### a. Menjalankan misi untuk mengumpulkan koin

Cashzine menawarkan ganjaran dengan pelbagai kaedah kepada pengguna untuk mengumpulkan koin. Tugas utamanya adalah dengan membaca berita. Manakala tugas sampingan lain adalah seperti mengundang rakan melalui kod *referral*, bermain permainan, menonton iklan dan sebagainya. Ganjaran berbentuk sejumlah koin akan diberikan setelah menyempurnakan tugas-tugas yang ditetapkan (*Cashzine*, t.th).

Muhammad Syamsuddin (2020), menyatakan *cashzine* menawarkan koin dengan dua cara. Pertama adalah membaca berita yang dipaparkan. Kedua adalah mengundang pengguna lain melalui kod *referral*. Pengguna akan mendapatkan bonus setelah *Cashzine* dimuat turun dan didaftarkan oleh rakan tersebut. Ini membuktikan bahawa kedua-dua pihak tidak menanggung sebarang kerugian, bahkan memperoleh bonus seperti yang dijanjikan. Bonus tersebut juga dipandang sah oleh syarak. Berdasarkan akad *ju'alah* sebagaimana ketentuan berikut:

وَيَشْتَرَطُ فِي الْجَعْلِ أَنْ يَكُونَ مَعْلُومًا لِأَنَّهُ عَوْضٌ فَلَا بُدَّ مِنَ الْعِلْمِ بِهِ كَالْأَجْرَةِ فِي الْإِجَارَةِ

Maksudnya : "Disyaratkan dalam *جعل* (poin/koin/bonus) sesuatu yang diketahui (sesuatu yang jelas), kerana *جعل* (poin/koin) adalah upah (*عوض*), maka dengan itu wajib untuk diketahui oleh peserta/pengguna sebagaimana ujrah yang diwajibkan untuk diketahui dalam akad ijarah (oleh penyewa),"

Selain itu, aplikasi *Buzzbreak* turut dilihat sama dengan *Cashzine* yang bersifat upah mengupah. Islam membenarkan konsep upah mengupah kerana adanya tugas yang perlu dilaksanakan oleh pengguna aplikasi iaitu (*ajir*). Oleh itu, akad *ju'alah* telah diaplikasikan dalam penggunaan aplikasi *Buzzbreak* dan *Cashzine* ini. Buktinya pengguna akan mendapat koin-koin yang boleh ditukarkan kepada wang setelah menyelesaikan tugas tertentu (Syahputra 2021). Menurut Zaharuddin (2021), *Cashzine* pada asalnya adalah diharamkan. Namun terdapat syarat yang perlu dilihat untuk mengekalkan keharusan tersebut. Sebagaimana kaedah yang disebutkan oleh Iman al-Suyuthi:

الأصلُ في الأثنياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya: Asal bagi sesuatu perkara adalah harus sehinggalah datangnya dalil yang menunjukkan kepada keharaman (perkara tersebut).

Selain itu, penggunaan kod *referral* adalah diharamkan dalam usaha mengumpulkan koin yang banyak. Hal ini dianalogikan sebagai menjadi broker rumah yang perlu mencari pembeli untuk memperoleh komisen atau upah yang dijanjikan. Keharusan ini disebabkan oleh pengguna hanya perlu mengerahkan tenaga untuk mempromosikan aplikasi tersebut. Pengguna juga tidak diperuntukkan men depositkan sebarang wang dalam penggunaan kod *referral*. Manakala disyaratkan pula kejelasan terhadap komisen yang diterima tersebut bagi mengelakkan *gharar* iaitu ketidakjelasan punca bonus yang masuk. Oleh itu, harus hukumnya selagi tidak mempromosikan perkara yang diharamkan syarak.

#### **b. Mencairkan koin kepada wang**

Ganjaran berbentuk koin diberikan kepada pengguna dan boleh menukarkan koin-koin tersebut kepada wang tunai. Hal ini adalah bersesuaian dengan ketentuan di dalam rukun *Ju'alah* yang mensyaratkan upah dengan barang atau benda tertentu (Umi Lailatul Hanifah 2021). Pengguna boleh mencairkan koin yang telah terkumpul kepada wang tunai setelah mencapai syarat-syarat yang ditetapkan. Jumlah minimum yang disyaratkan untuk menukarkan koin kepada wang dalam aplikasi *Cashzine* adalah sebanyak 480,00 bersamaan dengan RM30 ringgit (*Cashzine* t.th).

Pendapatan yang diperoleh oleh pengguna aplikasi adalah didasarkan selaras dengan pekerjaan yang dilakukan seperti membaca berita, menonton iklan dan sebagainya. Tidak pula disyaratkan pekerjaan tersebut dengan tempoh masa berbeza dengan akad ijarah yang memerlukan kejelasan terhadap perkara tersebut. Berdasarkan perbincangan tentang hukum akad *Ju'alah* adalah harus dan dibenarkan. Oleh itu, jelaslah bahawa pendapatan yang diperolehi pengguna adalah halal dan boleh dibelanjakan wang tersebut. Ini kerana tidak terdapat elemen *gharar*, *maisir*, *riba*, *ghabn* atau perkara yang dilarang syarak (Muhammad Syamsuddin 2020).

Berdasarkan penjelasan tersebut dapat difahami bahawa penggunaan aplikasi *Cashzine* tidak bercanggah dengan hukum Islam. Sebagaimana penjelasan melalui kaedah fiqh :



### الاصل في الشروط في المعاملات الحل والإباحتة إلا بدليل

Maksudnya: Hukum asal syarat dalam muamalah adalah halal dan diperbolehkan kecuali ada dalil (yang melarangnya).

Oleh itu, setiap bentuk muamalah adalah diharuskan selagi ia tidak mengandungi elemen yang diharamkan oleh syarak. Maka dapat disimpulkan bahawa pemberian upan dan pencairan wang dalam aplikasi *Cashzine* ini dibenarkan dan tiada unsur *gharar*, riba dan lain-lain. Namun, disyaratkan dcairkan kepada wang dengan segera setelah berjaya mengumpulkan koin yang banyak (Syahputra 2021).

Manakala Zaharuddin Abd Rahman (2021) turut menyatakan pandangannya mengenai aplikasi *Cashzine*. Apabila koin-koin telah berjaya dcairkan kepada wang tunai, maka ia adalah halal dan boleh digunakan oleh pengguna. Hal ini merujuk kepada dasar hukum muamalah iaitu harus selagi tiada unsur haram. Maka pendapatan yang diterima juga harus jika upah tersebut sejajar dengan pekerjaan yang dilaksanakan dan pengguna berpuas hati terhadapnya. Pengguna boleh membelanjakan wang penghasilan daripada *Cashzine* untuk perbelanjaan peribadi. Bukan itu sahaja, pengguna juga diingatkan supaya berhati-hati dengan tidak mendepositkan sebarang wang ke akaun *Cashzine*. Ini kerana bagi mengelakkan *gharar* dan perlu menukarkan koin kepada wang tunai dengan segera setelah mencapai had tertentu.

#### c. Melaksanakan misi dengan kaedah yang dilarang syarak

Berdasarkan kepada perbincangan berikut, hukum aplikasi *Cashzine* adalah harus dan dibolehkan tetapi perlu dititikberatkan dari segi aspek penggunaannya (Zaharuddin 2021). Maka hukum ini boleh menjadi haram dan makruh sekiranya cara penggunaannya yang salah di sisi Islam. Contohnya melakukan tugas bertentangan dengan syarak demi untuk mengumpulkan koin. Melalui aplikasi penjana wang yang lain iaitu *Buzzbreak* bahawa ia adalah tidak dibenarkan dalam Islam. Ini kerana video iklan dan bahan bacaan yang dipaparkan dalam *Buzzbreak* bertentangan dengan syariat atas dasar menampilkan aurat perempuan (Nindy Amalia 2021). Sekiranya pihak *developer* mempunyai iktikad yang baik untuk bekerjasama dengan pemilik berita, maka kesepakatan tersebut boleh menjadi alasan kepada sumber pendapatan *Developer* yang halal. Pendapatan tersebut kemudiannya diberikan kepada para pengguna (Muhammad Syamsuddin 2020).

Hal ini dapat dilihat dengan pelbagai berita yang disajikan kepada pengguna dari pelbagai kategori termasuklah berita hiburan yang mengandungi *ghibah* atau gosip. Islam menentang berita yang berbentuk *ghibah* atau gosip secara tegas kepada umatnya (Endah Hapsari & Nashih Nasrullah, 2013). Majlis Ulama Indonesia (MUI) menyatakan bahawa membaca, menonton, mendengarkan berita dan mengambil keuntungan daripadanya yang berunsurkan aib, keburukan atau gosip tentang orang lain adalah haram (Anon 2010). Firman Allah di dalam surah al-Isra' ayat 36 :

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Maksudnya: Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta

hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya

Oleh itu, sesuatu berita itu mestilah dipastikan terlebih dahulu. Ia merupakan tuntutan kepada masyarakat untuk mengelakkan daripada berlakunya fitnah dan permusuhan sesama manusia terutamanya pada era teknologi kini (Muhammad Fathi 2019). Seterusnya, *Cashzine* turut memaparkan berita-berita dan iklan-iklan yang tidak menutup aurat lelaki dan wanita. Lebih-lebih lagi Wanita sering dijadikan model dalam subjek pengiklanan yang dipaparkan. Penyampaian iklan yang tidak sopan seperti menggambarkan aset Wanita ini jelas bertentangan dengan nilai-nilai Islam (Muhammad Syamsuddin, 2020). Firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 31:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Maksudnya: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya.

Oleh itu, pengiklanan tersebut boleh membawa kepada perkara maksiat dan membuka ruang untuk membayangkan-bayangkan anggota aurat yang dipaparkan mahupun menimbulkan kehairahan (Yaqin Bakharudin 2021). Selain itu, bermain permainan video dalam aplikasi *Cashzine* pula yang ditawarkan dari pelbagai genre. Secara umumnya, hukum asal bermain permainan video di telefon pintar adalah harus. Tetapi hukumnya boleh berubah menjadi haram sekiranya permainan yang berunsurkan judi, lucuh, keganasan, unsur khurafat, membawa kepada keruntuhan akhlak, mencetuskan permusuhan, meninggalkan ibadah dan sebagainya. Mustafar Mohd Suki (2022). Oleh itu hukum *Cashzine* adalah harus, namun ia boleh berubah mengikut cara penggunaan seseorang dalam memperoleh ganjaran. Jika penggunaannya tersebut membawa kepada unsur yang diharamkan, maka secara langsung pendapatan yang diperoleh itu adalah tidak harus digunakan.

## Kesimpulan

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa *Cashzine* merupakan aplikasi penjana wang yang banyak digunakan oleh masyarakat kini. *Cashzine* adalah dibolehkan tetapi perlu menepati syarat-syarat tertentu sebagaimana yang telah digariskan oleh syarak. Contohnya membaca berita perkara yang dibolehkan, menonton iklan yang dibenarkan sahaja, bermain permainan video yang tidak berunsurkan haram dan sebagainya. Jika sebaliknya maka hukum asal harus tersebut akan menjadi haram kerana ia dengan jelas merupakan perkara yang ditegah oleh syarak. Tawaran seperti aplikasi *Cashzine* ini sangat menarik minat masyarakat untuk menggunakannya, lebih-lebih lagi di masa pandemik Covid-19. Terdapat pelbagai jenis aplikasi penjana wang yang giat dibangunkan kini seperti *Facebook Viewpoints*, *Google Opinion's Reward* dan sebagainya. Maka, masyarakat perlulah sentiasa berhati-hati dengan iklan-iklan yang muncul di media sosial dan laman web yang menawarkan penghasilan wang dengan cara

yang mudah. Aplikasi seperti *Cashzine* ini perlulah kepada lebih banyak kajian untuk memberi pendedahan kepada masyarakat daripada menjadi mangsa *scam* atau menjana wang dengan cara dilarang oleh syarak. Oleh itu, masyarakat haruslah peka dengan meneliti dahulu aplikasi yang hendak digunakan dan mengenal pasti akan statusnya sama ada patuh syariah atau tidak patuh syariah.

## Rujukan

- Agustianto. 2015. Reformulasi Fikih Muamalah di Era Modern. <https://www.iqtishadconsulting.com/content/read/blog/reformulasi-fikih-muamalah-di-era-modern>Nasrul. [22 Jun 2022]
- Aiman. 2019. Buat Duit Dengan Aplikasi *Cashzine*. <https://www.aimanabdullah.com/2019/06/buat-duit-dengan-aplikasi-Cashzine.html>. [23 Jun 2022]
- Akbar Wiguna. 2021. Digitalisasi Ekonomi, Kemudahan atau Tantangan Bagi Fiqih Muamalah?.<https://kumparan.com/zidane-akbar/digitalisasi-ekonomi-kemudahan-atau-tantangan-bagi-fiqih-muamalah-1vzFEsMk7uf>. [22 Jun 2022]
- Anon. 2010. MUI: Berita Gosip Haram. Detik News, 27 Julai.
- Anon. 2017. Teknologi Memudahkan Cara Bekerja. Berita Harian, 18 September.
- Anon. 2018. Fiqh Muamalah dan Kemajuan Zaman. <https://www.kompasiana.com/mhanifr6603/5af8168b5e13736b46465ba5/fiqh-muamalah-dan-kemajuan-zaman>Zidane. [23 Jun 2022]
- Anon. 2021. Lebih 155,000 Pekerja Diberhenti Ketika Pandemik – Saravanan. Malaysia Kini.
- Anon. 2022. Kenangan Anggora Update Cara Cepat Mendapatkan Koin. <http://westjofmp3.com/>. [22 Jun 2022]
- Digitek. t.th. Fakta Aplikasi *Cashzine*! Aman atau Scam? <https://digitek.id/aplikasi-Cashzine/>. [23 Jun 2022]
- Eka Sakti Habibullah. 2018. Prinsip-Prinsip Muamalah Dalam Islam. *Jurnal Ekonomi Dan Bisnis Islam* 2(1).
- Hanifah, Umi Lailatul (2021) Tinjauan Hukum Islam Terhadap Penggunaan Aplikasi *Buzzbreak* di Desa Bungkok Kecamatan Parang Kabupaten. Tesis Sarjana. Fakultas Syariah. Institut Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Ibnu. 2022. *Cashzine* Aplikasi Penghasil Uang, Beneran Membayar Dari Main HP. <https://reportasee.com/Cashzine-aplikasi-penghasil-uang/>. [22 Jun 2022]
- Inez. 2021. Aplikasi Penghasil Uang *Cashzine* Tanpa Deposit, Baca Berita Dapat Saldo DANA. <https://jateng.tribunnews.com/2021/09/03/aplikasi-penghasil-uang-Cashzine-tanpa-deposit-baca-berita-dapat-saldo-dana>. [23 Jun 2022]
- Ismail Mohamed, Mohd Rafede , Aishath Muneeza. 2020. The Application of Ju'alah in Islamic Finance: The Malaysian Perspective. *International Journal of Management and Applied Research* 7(1) 29-41.
- Izza Namira. 2020. 7 Aplikasi Penghasil Uang Saku, Mudah dan Cepat Bisa Tambah THR. <https://www.idntimes.com/tech/trend/izza-namira-1/rekomendasi-aplikasi-penghasil-uang-saku>. [22 Jun 2022]

- Leon. 2022. Baca Berita Dapat Duit Rp 100.000 dari Aplikasi Penghasil Uang *CASHZINE*, Sudah 10 Juta Download dan Ada di 10 Negara!. <https://www.klikkoran.com/baca-berita-dapat-duit-rp-100-000-dari-aplikasi-penghasil-uang-Cashzine-sudah-10jt-download-dan-ada-di-10-negara/>. [22 Jun 2022]
- M. Isa. 2021. Suami Isteri Kesempitan Hidup Selepas Terputus Pendapatan Ekoran PKP. *Malaysia Dateline*, 29 Jun.
- Muhammad Fathi Noordin. 2019. Bayan Linnas Siri Ke 184: Tabayyun Dalam Penerimaan Dan Penyampaian Berita. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3485-bayan-linnas-siri-ke-184-tabayyun-dalam-penerimaan-dan-penyampaian-berita>. [23 Jun 2022]
- Muhammad Ikhwan Ideris. 2021. 100,000 Perniagaan Tutup Operasi. *Kosmo Digital*, 27 Julai.
- Muhammad Saufi Hassan. 2022. Dompot digital. *Harian Metro*, 23 September.
- Muhammad Syamsudin. 2020. Hukum Mencari Penghasilan dari Pengakses Aplikasi. <https://islam.nu.or.id/ekonomi-syariah/hukum-mencari-penghasilan-dari-pengakses-aplikasi-Fi5dk>. [22 Jun 2022]
- Mustafar Mohd Suki. 2019. Hukum Main 'Game' Di Telefon Pintar. *Sinar Harian*, 29 November.
- Nashih Nasrullah. 2013. Hobi Nonton Infotainment Gosip, Apa Hukumnya? *Republika*. <https://www.republika.co.id/berita/mwp4g6/hobi-nonton-infotainment-gosip-apa-hukumnya>. [22 Jun 2022]
- Nasrul Hisham. 2008. Aplikasi Sains Dan Teknologi Dalam Transaksi Muamalah Islam: Rujukan Kepada Rukun–Rukun Akad Mengikut Perspektif Undang–Undang Kontrak Islam. *Jurnal Teknologi* 49(1).
- Nindy, Amalia Dewanti (2021) Sistem Poin Dan Hadiah Pada Aplikasi *Buzzbreak* Perspektif Hukum Islam. Tesis Sarjana. Fakultas Syariah. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Oviliani Yenty Yuliana. 2000. Penggunaan Teknologi Internet dalam Bisnis. *Jurnal Akuntansi dan Keuangan* 2(1).
- Rizandy Syahputra (2021) Bisnis Aplikasi *Buzzbreak* di Tengah Pandemi Covid-19 Perspektif Hukum Islam. Tesis Sarjana. Fakultas Syari'ah. Universitas Islam Negeri Fatmawati Sukarno Bengkulu.
- Securities Commission Malaysia. 2012. Bi-annual Bulletin of Malaysian Islamic Capital Market 7(1).
- Shofia Nida. 2022. 5 Cara Mendapatkan Uang Dari *Cashzine* Aplikasi Penghasil Cuan. <https://www.brilio.net/personal-finance/5-cara-mendapatkan-uang-dari-Cashzine-aplikasi-penghasil-cuan-220124c.html>. [22 Jun 2022]
- Wahbah Zuhaili. 1985. *Al-Fiqh Islami Wa Adillatuhu*
- Yaqin Bakharudin. 2021. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke- 541 : Hukum Pengiklanan Berunsur Lucah. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4645-irsyad-al-fatwa-siri-ke-541-hukum-pengiklanan-berunsur-lucah>. [23 Jun 2022]
- Zaharuddin Abdul Rahman. 2021. *Cashzine*: Jana Duit Tanpa Modal: Halal @ Haram. Video. *Tijarah TV AlHijrah*.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2011. *Kewangan Islam Dalam Fiqh Syafi'i*.